

# Penggabungjalinan faktor-faktor dan hubungannya dengan pengaplikasian *Whatsapp* dalam kalangan guru sekolah rendah di zon Chini, Pekan

Komathy Balasundran<sup>1\*</sup>, Jamal @ Nordin Yunus<sup>2</sup> & Marinah Awang<sup>3</sup>

<sup>1</sup>*Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak, Malaysia* [komathybalamano@gmail.com](mailto:komathybalamano@gmail.com)

<sup>2</sup>*Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak, Malaysia* [jamal@fpe.upsi.edu.my](mailto:jamal@fpe.upsi.edu.my)

<sup>3</sup>*Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak, Malaysia* [marinah@fpe.upsi.edu.my](mailto:marinah@fpe.upsi.edu.my)

Received: 05 April 2020; Accepted: 04 June 2020; Published: 05 June 2020

## Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau penggabungjalinan faktor-faktor dan hubungannya dengan pengaplikasian *WhatsApp* dalam kalangan guru sekolah rendah di zon Chini, Pekan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berdasarkan reka bentuk tinjauan. Program SPSS versi 20 digunakan untuk menganalisis data. Seramai 155 orang guru sekolah rendah telah dipilih secara rawak sebagai sampel dalam kajian ini. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan untuk menganalisis data kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan persepsi umum guru, matlamat, motivasi guru, kemahiran mengaplikasi *WhatsApp* serta sokongan pentadbir adalah faktor dominan pengaplikasian *WhatsApp* dalam kalangan guru. Analisis inferen menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara persepsi umum guru, matlamat, motivasi guru, kemahiran mengaplikasi *WhatsApp*, sokongan pentadbir serta kebimbangan guru dengan pengaplikasian *WhatsApp*. Implikasi kajian ini menunjukkan guru-guru perlulah mengambil tindakan yang lebih terancang bagi melancarkan lagi urusan rasmi sekolah melalui pengaplikasian *WhatsApp*.

**Kata kunci:** Pengaplikasian *WhatsApp*, urusan rasmi sekolah rendah, persepsi umum guru, matlamat, motivasi guru, kemahiran, sokongan pentadbir.

## Abstract

The purpose of this study is to review the combination of factors and its relation to WhatsApp application among teachers in primary school official affairs in Chini zone, Pekan. The study employs the quantitative method. The researcher used SPSS version 20 to analyze the study data. 155 primary school teachers were selected as the sample in this study. Selection was made using stratified random sampling. Descriptive statistical and inference were used to analysis the data of this study. The result of the research shows that teachers' perception, goals, teachers' motivation, knowledge of using WhatsApp application and support from the administration are the dominant factors that contributed to the use of WhatsApp application among the teachers. Analysis inference indicates that teachers' perception, goals, teachers' motivation, knowledge of using WhatsApp application, support from the administration and anxious towards use of WhatsApp application, will positively and significantly affect the use of WhatsApp application in primary school official affairs. The implications of this study, teachers must take more planned action to develop school official affairs by using WhatsApp application.

**Keywords:** Use of WhatsApp application, primary school official affair, perception, goals, motivation, knowledge, administration support, anxious.

## PENGENALAN

Media sosial telah menjadi sangat popular pada abad ke-21 ini (Mohd Noorhadi & Zurinah Tahir, 2017). Perubahan yang signifikan dalam komunikasi bermula pada awal tahun 2000an iaitu apabila jaringan informasi perkembangan pesat sehingga wujudnya pelbagai aplikasi media sosial (Mutiah, 2016).

Antara aplikasi media sosial yang wujud adalah seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *Telegram* dan sebagainya. Pengasas *WhatsApp* Inc ialah Brian Acton dan Jan Koum. Aplikasi *WhatsApp* diasaskan pada Februari 2009 (Andi Miladiyah, 2017). Acton dan Koum telah membangunkan aplikasi ini apabila menyedari aplikasi *WhatsApp* merupakan aplikasi yang mampu untuk menjadi medium manusia masa kini berkomunikasi dan berinteraksi selain sebagai medium menyebarkan maklumat (Ahmad Safwan, 2019).

Aplikasi *WhatsApp* turut memainkan peranan penting dalam urusan rasmi sekolah. Pada awalnya, papan hitam dan papan kenyataan merupakan alatan utama guru bagi menyampaikan maklumat dalam kalangan guru. Kemudian, media cetak atau media elektronik seperti surat, memo, panggilan telefon, pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya telah digunakan oleh guru dalam sekolah (Azmah & Samsudin, 2013). Masalah komunikasi menerusi media tradisional seperti jarak dan masa, kesukaran mendapatkan maklumat dan sebagainya menyebabkan manusia mula beralih mengaplikasikan teknologi internet sebagai media komunikasi yang baharu (Faridanura, 2014).

Guru merupakan pemudahcara yang seharusnya tidak ketinggalan dalam arus teknologi moden kini. Pada masa kini, warga pendidik turut mengaplikasi *WhatsApp* untuk berkomunikasi dengan dunia luar serta memperolehi informasi. Berbanding laman sosial lain seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Wechat*, aplikasi *WhatsApp* merupakan media sosial yang sangat popular (Faridanura, 2014). Apakah tahap pengaplikasian *WhatsApp* dalam kalangan guru sekolah rendah pada hari ini? Apakah faktor pengaplikasian *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah? Semua persoalan telah cuba dirungkai oleh penyelidik dalam kajian ini.

## PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan hari ini bersifat global dan sering dikaitkan kepada pencapaian hasil pembelajaran dan kebolehpasaran graduan. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadikan masyarakat dunia dan sesebuah organisasi semakin terkait antara satu sama dalam satu perkampungan dunia tanpa sempadan. Pendidikan wajar menyediakan pengetahuan dan kemahiran untuk melahirkan masyarakat dunia generasi akan datang.

Pada masa kini, aplikasi media sosial menjadi medium utama dalam pendidikan. Media sosial memainkan peranan penting dalam konteks urusan rasmi sekolah khususnya aplikasi *WhatsApp*. Aplikasi *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah, dapat memudahkan penghantaran maklumat secara berkesan dan cepat. Pengaplikasian *WhatsApp* adalah penting dalam urusan rasmi sekolah kerana ia dapat mempercepatkan pengurusan sekolah, mengurangkan penggunaan kertas dan tenaga. Ia turut membantu berhubung secara langsung, mempelajari pelbagai perkara baharu serta membina dan mengukuhkan jaringan (Azhar Arsyad, 2013).

Berdasarkan analisis pemerhatian penyelidik di sekolah rendah zon Chini, Pekan, beberapa orang guru kurang memanfaatkan aplikasi media sosial terutamanya aplikasi *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah. Para guru ini lebih cenderung kepada penggunaan media cetak atau media elektronik. Perkara ini adalah kerana, guru sukar mengubah gaya komunikasi dan tidak berpengalaman mengaplikasikan media sosial (Razianna, 2009). Merujuk kajian lepas (Singh, 2014) (Mohamed Nazul et al. 2014) yang mendapati penggunaan aplikasi *WhatsApp* sebagai medium komunikasi dan pembelajaran menunjukkan petanda yang positif kepada responden serta kurangnya kajian tentang pengaplikasian *WhatsApp* dalam urusan rasmi dalam kalangan guru sekolah rendah. Oleh itu, kajian

ini mengkaji tentang penggabungjalinan faktor-faktor pemboleh ubah terpilih dan hubungannya dengan pengaplikasian *WhatsApp* dalam kalangan guru sekolah rendah di zon Chini, Pekan.

## TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui penggabungjalinan faktor-faktor pemboleh ubah terpilih dan hubungannya dengan pengaplikasian *WhatsApp* dalam kalangan guru sekolah rendah di zon Chini, Pekan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji tahap faktor pengaplikasian *WhatsApp* dari aspek persepsi umum guru, matlamat, motivasi guru, kemahiran mengaplikasi *WhatsApp*, sokongan pentadbir serta kebimbangan guru dalam pengaplikasian *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah. Manakala objektif kajian ini ialah:

1. Mengetahui tahap pengaplikasian *WhatsApp* dalam kalangan guru dalam aspek urusan rasmi sekolah rendah di zon Chini, Pekan.
2. Mengenal pasti tahap faktor-faktor pengaplikasian *WhatsApp* dalam aspek urusan rasmi sekolah rendah di zon Chini, Pekan.
3. Menentukan hubungan faktor-faktor pemboleh ubah terpilih terhadap tahap pengaplikasian *WhatsApp* dalam kalangan guru sekolah rendah di zon Chini, Pekan.

## TINJAUAN LITERATUR

### *Pengaplikasian WhatsApp*

Riskyta (2017) dalam kajiannya “Penggunaan Aplikasi *WhatsApp* dalam Komunikasi Organisasi Pegawai Dinas Lingkungan Hidup dan Kebersihan Sidoarjo” menyatakan komunikasi organisasi yang dilakukan oleh pegawai di Dinas Lingkungan Hidup dan Kebersihan Kabupaten Sidoarjo sangat dibantu oleh aplikasi *WhatsApp*. Aplikasi *WhatsApp* memiliki peranan penting dalam mendukung fungsi komunikasi organisasi yang meliputi fungsi produksi dan pengaturan, fungsi pembaharuan, pemeliharaan, tugas, perintah, dan fungsi relasional tetap dapat terkomunikasikan, dengan percepatan dan efisiensi dari fasilitas aplikasi *WhatsApp* yang ditawarkan.

Trisnani (2017), menjalankan kajian unutk mengkaji pemanfaatan *WhatsApp* sebagai media komunikasi dan kepuasan dalam penyampaian pesan dalam kalangan tokoh masyarakat. Beliau mendapati *WhatsApp* adalah aplikasi yang paling dominan digunakan dalam kalangan tokoh masyarakat. Penyelidik menyatakan bahawa, *WhatsApp* telah dimanfaatkan oleh tokoh masyarakat untuk berkomunikasi dalam menyampaikan pesanan kepada orang lain. Informasi yang disampaikan melalui *WhatsApp*, lebih efektif dan memberi kepuasan kepada pengguna kerana menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi yang lebih cepat dan pantas.

### *Persepsi Umum*

Muhammad Shahrul (2011), telah menjalankan kajian berkaitan pengaplikasian *Wikipedia* dan aplikasi media sosial sebagai media menyampaikan kandungan pelajaran. Beliau berpendapat, aplikasi media sosial menjadi suatu kaedah penyampaian isi pelajaran yang sangat berkesan bagi guru-guru.

Mohd Zuwairi dan Nurul Fatin (2019), menjalankan kajian untuk mengenal pasti persepsi terhadap *WhatsApp*, tujuan dan kepuasan penggunaan *WhatsApp* dalam kalangan warga separuh murid. Dapatan kajian beliau menyatakan bahawa persepsi warga separuh murid terhadap penggunaan *WhatsApp* dapat dikelaskan kepada negatif dan positif. Beliau menyatakan tujuan penggunaan *WhatsApp* adalah untuk bersosial, hiburan, mendidik, promosi dan menyampaikan maklumat. Manakala, elemen yang dikenal pasti untuk kepuasan pengguna *WhatsApp* adalah disebabkan oleh

mudah dan cepat, mesej mudah difahami, merapatkan yang jauh, memberikan maklumat dan meluas. Secara keseluruhannya, kajian beliau merumuskan penggunaan *WhatsApp* boleh dikatakan agak penting dalam kalangan warga separuh umur sebagai medium komunikasi interpersonal.

Syed Lamsah (2017), mengatakan sebahagian besar pelajar dari Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor menggunakan telefon pintar sejak empat tahun lalu, membayar kurang daripada RM100 sebulan dan memilih pelan prabayar. Beliau menyatakan bahawa, aplikasi media sosial yang paling popular adalah *WhatsApp* diikuti dengan *Youtube*, *Facebook*, *Instagram*, dan *Google+*. Pelajar sarjana muda program kejuruteraan, sains komputer dan teknologi maklumat dan bioteknologi lebih aktif terlibat dalam perbincangan dan perkongsian maklumat berbanding pendidikan. Penyelidik turut menyatakan sebahagian besar pelajar bersetuju m-pembelajaran membantu mereka untuk lebih memahami hasil pembelajaran, meningkatkan imej universiti, daya saing dan kebolehpasaran graduan.

*WhatsApp* merupakan aplikasi mesej yang membantu proses komunikasi melalui platform teknologi komunikasi mudah alih yang tinggi penggunaannya di Malaysia. Cetinkaya (2017) mentakrifkan *WhatsApp* mempunyai ciri platform yang pelbagai, mempunyai sokongan multimedia yang membantu interaksi dalam kalangan individu dan kumpulan dalam rangkaian sosial mudah alih. Faktor utama penggunaan aplikasi ini disebabkan kegunaan dan manfaatannya kepada pengguna. Aslina dan Ermie Dharlya (2016) menyatakan manfaat merupakan salah satu elemen yang penting untuk meningkatkan kepercayaan dan sikap pengguna untuk menggunakan aplikasi serta teknologi komunikasi.

### **Matlamat pengaplikasian WhatsApp**

Ahmad Safwan dan Muhammad Norazam (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa, aplikasi *WhatsApp* berkesan sebagai medium dakwah dalam kalangan remaja. Pengkaji melihat aplikasi *WhatsApp* sebagai aplikasi yang sangat berguna bagi ibubapa yang mementingkan penyebaran maklumat melalui media massa. Hal ini kerana selain menjimatkan masa, aplikasi *WhatsApp* juga dilihat sebagai medium yang sesuai untuk menyebarluaskan isi kandungan dakwah terutama dalam kumpulan-kumpulan pengguna aplikasi *WhatsApp* dalam keluarga.

Normazaini, Alawiyah dan Wawarah (2018), mendapati aplikasi *WhatsApp* digunakan secara meluas dan ia membantu dalam perkongsian maklumat dan membuat keputusan kecil dengan cepat dan berkesan. Aplikasi *WhatsApp* mampu menjadi alternatif kepada alat komunikasi formal organisasi dengan penambahbaikan yang bersesuaian. Penyelidik juga menyatakan bahawa pengguna aplikasi *WhatsApp* boleh menghantar mesej dalam bentuk teks, imej, video, dan mesej audio serta boleh membentuk kumpulan tertentu melalui aplikasi.

Naveen dan Sudhansh (2016) menyatakan bahawa, terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri mudah guna dan manfaat dengan penggunaan *WhatsApp* dalam kalangan pengguna. Pengguna lebih berminat dan memilih *WhatsApp* kerana ia mudah digunakan dan antara muka yang mesra pengguna. Kajian mereka menunjukkan responden mengakui *WhatsApp* sangat berguna untuk meningkatkan hubungan dengan orang lain.

Oviva Tidal dan Ira Dwi (2019), menjalankan kajian untuk mengetahui fungsi komunikasi dalam organisasi melalui group chat *WhatsApp* Oriflamme. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa fungsi komunikasi dalam organisasi melalui group chat *WhatsApp* Oriflame terdiri dari 4 fungsi komunikasi, iaitu fungsi informatif, fungsi regulatif, fungsi persuasif dan fungsi integrative.

### **Motivasi**

Aisar Salihu et al. (2015) menyatakan bahawa media baharu bukan sahaja mengubah cara penyaluran dan perkongsian maklumat, malah turut mengubah perhubungan yang sedia terjalin antara pengguna media. Kajian mereka mendapati *WhatsApp* menduduki tempat kedua selepas *Facebook* dalam aspek membina hubungan peribadi yang baik dalam kalangan pengguna. Penggunaan aplikasi *WhatsApp* memberi ruang untuk meningkatkan komunikasi antara peribadi melalui proses kolaborasi maklumat

menerusi interaksi yang berlaku. Jika dilihat dari aspek yang lain, aplikasi media sosial yang menyediakan pengguna untuk berkomunikasi dan berkongsi pelbagai format mesej melalui partisipasi dalam perbincangan dapat meningkatkan lagi hubungan antara peribadi serta perasaan ‘kekitaan’ antara pengguna.

Norfaezah (2015) dalam kajiannya “Penggunaan Aplikasi *WhatsApp* dalam Pembelajaran dan Pengajaran di KUIS” menyatakan bahawa penggunaan *WhatsApp* sangat popular dalam kalangan pengguna telefon pintar termasuk majoriti pelajar KUIS kerana aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma dan penggunaannya untuk berhubung secara percuma berbanding khidmat SMS dan telefon yang berbayar menyebabkan saluran *WhatsApp* menjadi saluran utama untuk menyalurkan maklumat.

### **Kemahiran mengaplikasi *WhatsApp***

Mohd Azul (2019), melalui kajiannya menunjukkan bahawa, mudah guna dan manfaat penggunaan *WhatsApp* adalah penting dalam membina hubungan peribadi yang baik antara masyarakat dan polis. Kajian beliau menunjukkan bahawa masyarakat sebenarnya amat memerlukan interaksi dan hubungan dengan PDRM. Interaksi antara masyarakat dan polis amat penting memandangkan ikatan hubungan adalah kunci utama dalam membina masyarakat yang harmoni. Melalui kajian ini, pengkaji menunjukkan penciptaan aplikasi media sosial meluaskan lagi landskap penggunaan sistem dalam talian bagi merapatkan jurang antara pengguna.

### **Sokongan pentadbir sekolah**


Hasil daptan kajian Abdul Wahad, Kamaliah dan Hasrina (2006), mengenai pengaplikasian komputer dalam PdPc dalam kalangan guru sekolah menengah mendapati sokongan pentadbir sekolah menjadi salah satu punca pengaplikasian komputer dalam proses PdPc. Sokongan organisasi yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah, sokongan daripada pentadbir sekolah seperti Pengetua atau Guru Besar serta guru-guru penolong kanan.

### **Kebimbangan guru**

Nafishah. H (2008), melalui kajian beliau menyatakan, guru-guru bimbang terhadap penguasaan literasi komputer dan kemahiran ICT. Pengetahuan guru dalam internet masih berada pada tahap yang rendah. Perkara ini menyebabkan guru-guru kurang mahir mengaplikasikan internet untuk mendapatkan maklumat sebagai bahan mengajar dan berkomunikasi antara pelajar.

### **Kerangka Teori dan Konseptual Kajian**

Kerangka teoritikal kajian ini adalah berdasarkan Teori Tindakan Bersebab (TRA) (Ajzen & Fishbein, 1975). Mengikut TRA, sikap dipengaruhi oleh kepercayaan seseorang. Sikap ini pula akan menyebabkan wujudnya niat yang kemudiannya membentuk tingkah laku seseorang. (Jogiyanto, H. M., 2007). Manakala, kerangka konseptual kajian ini telah dibina berdasarkan Model Penerimaan Teknologi (TAM) (Davis, 1989). TAM menganalisis dua faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi iaitu mudah untuk diguna dan manfaat yang dapat dilihat (Aslina & Ermie Dharly, 2016).



*Rajah 1.* Kerangka konseptual kajian. Diadaptasi dari gabungan Model TAM (Davis, 1989) dan TRA (Ajzen & Fishbein, 1975)

## METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini dibincangkan seperti berikut.

### ***Reka Bentuk Kajian***

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan. Kajian ini adalah dalam bentuk kuantitatif yang mana bersesuaian dengan keperluan dan kehendak persoalan kajian untuk mengetahui sesuatu perkara secara tepat. Pengkaji menggunakan program SPSS version 20 untuk menganalisis data. Penentuan sampel dalam kajian ini dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah.

### ***Populasi dan Persampelan***

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru sekolah rendah zon Chini, Pekan. Berdasarkan maklumat yang diperoleh dari pihak PPD Pekan, Pahang, terdapat 9 buah sekolah di zon Chini iaitu seramai 255 orang guru (104 guru lelaki dan 151 guru perempuan) menjadi populasi dalam kajian ini. Bilangan responden kajian ini ditetapkan mengikut jadual Krejcie dan Morgan (1970). Seramai 155 orang guru telah menjadi responden kajian ini. Teknik persampelan rawak mudah dipilih kerana teknik ini merupakan teknik persampelan asas di mana pengkaji memilih kumpulan sampel untuk dikaji dari kumpulan yang lebih besar (Sri Nurhayati & Fonny Dameati, 2020). Bilangan guru yang dipilih menjadi sampel kajian ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1 *Bilangan Guru yang Dipilih*

Nama Sekolah	Guru Lelaki	Guru Perempuan	Jumlah
SK (Felda) Chini 1 & 4	8	20	28
SK (Felda) Chini 3 & 5	5	15	20
SK (LKTP) Chini Timur 2	5	15	20
SK (Felda) Chini 2	5	15	20
SK (Felda) Chini Timur 1	6	10	16
SK Kota Perdana	3	10	13
SK Runcang	5	15	20
SK Tasik Chini (JHEOA), Pekan	4	4	8
SK Simpai	2	8	10
<b>Jumlah Besar</b>			<b>155</b>

### ***Instrumen Kajian***

Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen soal selidik yang bersesuaian dengan tujuan dan hipotesis kajian. Penyelidik telah mengadaptasi beberapa instrumen soal selidik penyelidik-penyalidik dahulu untuk disesuaikan dengan pengaplikasian *WhatsApp* dalam kalangan guru sekolah rendah. Jadual 2 menunjukkan kandungan dan bilangan instrumen kajian berdasarkan sumber instrumen.

Jadual 2 *Kandungan Instrumen Kajian Berdasarkan Sumber Instrumen*

Bahagian/ Aspek	Jumlah item	Sumber
Bhg. B Pengaplikasian <i>WhatsApp</i> dalam urusan rasmi sekolah	6	Sumber asal TTI (Rogers, 2007) (Diadaptasi oleh Muhammad Ismail, 2016)
Bhg. C Persepsi umum guru	7	Sumber asal TPACK (Schmidt et al., 2009) (Diadaptasi oleh Muhammad Ismail, 2016)
Bhg. D Matlamat pengaplikasian <i>WhatsApp</i>	6	Sumber asal CK (Schmidt et al., 2009) (Diadaptasi oleh Muhammad Ismail, 2016)
Bhg. E Motivasi guru	6	Sumber asal ITEL (Nicolle, 2005) (Diadaptasi oleh Muhammad Ismail, 2016)
Bhg. F Kemahiran mengaplikasi <i>WhatsApp</i>	5	Sumber asal Albirini (2004) (Diadaptasi oleh Muhammad Ismail, 2016)
Bhg. G Sokongan pentadbir sekolah	5	Sumber asal Nicolle (2005) (Diadaptasi oleh Muhammad Ismail, 2016)
Bhg. H Kebimbangan guru dalam pengaplikasian <i>WhatsApp</i>	5	Sumber asal Nicolle (2005) (Diadaptasi oleh Muhammad Ismail, 2016)
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>40</b>	

### ***Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen***

Dalam kajian ini, penyelidik menjalankan kajian rintis ke atas 30 orang guru yang tidak terlibat sebagai responden kajian sebenar. Nilai *Cronbach's Alpha* yang diperoleh melalui kajian rintis adalah 0.864. Kajian rintis membuktikan item-item yang digunakan dalam borang soal selidik kajian ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Instrument kajian ini disemak oleh dua orang guru yang berpengalaman iaitu Puan Arbaiah Binti Abdullah (Guru Penolong Kanan Pentadbiran) dan Puan Umi Nuridayu Binti Saad (Ketua Panitia Bahasa Melayu) bagi mendapatkan kesahan muka. Bagi memastikan kesahan kandungan, penyelidik telah merujuk dua orang pensyarah UPSI dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang pakar dalam bidang pengurusan pendidikan. Penyelidik juga turut merujuk kepada dua orang guru bahasa dari zon Chini, Pekan bagi memastikan kesahan bahasa dan kefahaman instrumen.

### ***Tatacara Pengumpulan Data***

Kajian ini menggunakan teknik mengumpul maklumat melalui soal selidik. Soal selidik diedarkan secara individu kepada setiap responden kajian. Sebelum memulakan kajian, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan maklumat dari PPD Pekan mengenai bilangan sekolah rendah dan bilangan guru di seluruh kelompok Chini, Pekan. Sebelum menghadiri ke sekolah untuk mengedarkan borang soal selidik kepada responden kajian, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada KPM melalui sistem *online Educational Research Application System Versi 2.0* (eRAS 2.0) bagi menjalankan penyelidikan di sekolah.

Setelah mendapat surat kebenaran menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM, penyelidik telah membuat permohonan di JPN Pahang untuk mejalankan kajian ini di sekolah-sekolah terpilih. Selepas mendapat kebenaran dari

pihak JPN Pahang, penyelidik telah menghubungi pihak pentadbir sekolah (Guru Besar) untuk memohon kebenaran bagi menjalankan kajian di sekolahnya. Penyelidik menghadkan masa menjawab soal selidik kepada 15 minit.

### **Tatacara Penganalisan Data**

Analisis statistik diskriptif dan analisis statistik inferensi digunakan bagi menganalisis data dalam kajian ini. Data yang diperolehi menerusi soal selidik telah dikumpulkan secara kuantitatif dan dianalisis menggunakan SPSS versi 20. Statistik kekerapan dan peratus digunakan bagi menjelaskan maklumat demografi responden. Data statistik deskriptif dianalisis menggunakan kekerapan, nilai min, peratus dan sisihan piawai. Manakala, data statistik inferensi dianalisis menggunakan analisis korelasi iaitu Korelasi Pearson. Ringkasan pengujian statistik yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian ini dijelaskan secara ringkasan dalam jadual 3.

Jadual 3 Pengujian Statistik bagi Menjawab Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Analisis Statistik
Mengetahui tahap pengaplikasian WhatsApp dalam kalangan guru dalam aspek urusan rasmi sekolah rendah di zon Chini, Pekan.	Apakah tahap pengaplikasian WhatsApp dalam kalangan guru dalam aspek urusan rasmi sekolah rendah di zon Chini, Pekan?	Analisis Statistik Deskriptif (Min, peratus dan Sisihan Piawai)
Mengenal pasti tahap faktor-faktor pengaplikasian WhatsApp dalam aspek urusan rasmi sekolah rendah di zon Chini, Pekan.	Apakah tahap faktor-faktor pengaplikasian WhatsApp dalam aspek urusan rasmi sekolah rendah di zon Chini, Pekan?	Analisis Statistik Deskriptif (Min, peratus dan Sisihan Piawai)
Menentukan hubungan faktor-faktor pemboleh ubah terpilih terhadap tahap pengaplikasian WhatsApp dalam kalangan guru sekolah rendah di zon Chini, Pekan.	Adakah terdapat hubungan faktor-faktor pemboleh ubah terpilih terhadap tahap pengaplikasian WhatsApp dalam kalangan guru sekolah rendah di zon Chini, Pekan?	Analisis Inferensi (Analisis Korelasi Pearson)

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Bahagian ini dibincangkan seperti berikut.

### **Tahap Pengaplikasian WhatsApp Dalam Urusan Rasmi Sekolah**

Aplikasi WhatsApp memiliki peranan penting dalam mendukung fungsi komunikasi organisasi (Riskyta, 2017). Dapatan kajian menunjukkan, majoriti guru iaitu seramai 147 orang guru (94.8%) berada pada tahap yang tinggi manakala, lima orang guru (3.2%) mempunyai tahap yang sederhana dan terdapat tiga orang guru (1.9%) berada pada tahap rendah terhadap tahap pengaplikasian WhatsApp dalam urusan rasmi sekolah rendah. Secara keseluruhan tahap penggunaan aplikasi WhatsApp dalam kalangan guru dalam urusan rasmi sekolah rendah adalah pada tahap yang tinggi ( $\text{min} = 4.44$ ,  $\text{sp} = 0.264$ ). Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap pengaplikasian WhatsApp ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4 Skor min dan sisihan piawai bagi tahap pengaplikasian WhatsApp

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
-----------	-----------	---------	-------

< 2.33	3	1.9%	Rendah
2.34 - 3.66	5	3.2%	Sederhana
> 3.66	147	94.8%	Tinggi

### **Tahap Faktor-Faktor Pengaplikasian WhatsApp**

#### **Faktor Persepsi Umum Guru**

Informasi yang disampaikan melalui *WhatsApp*, lebih efektif dan memberi kepuasan kepada pengguna (Trisnani, 2017). Hasil daripada kajian ini mendapati majoriti guru iaitu seramai 134 orang guru (86.5%) berada pada tahap yang tinggi, manakala 16 orang guru (10.3%) mempunyai tahap yang sederhana dan terdapat lima orang guru (3.2%) berada pada tahap rendah dalam persepsi umum guru terhadap pengaplikasian *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah rendah. Secara keseluruhan, tahap penggunaan aplikasi *WhatsApp* dari tahap persepsi umum guru sekolah rendah adalah tinggi ( $\text{min}=4.07$ ,  $\text{sp}=0.442$ ). Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor persepsi umum guru ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5 Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor persepsi umum guru

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	5	3.2%	Rendah
2.34 - 3.66	16	10.3%	Sederhana
> 3.66	134	86.5%	Tinggi

#### **Faktor Matlamat Pengaplikasian WhatsApp**

*WhatsApp* adalah suatu aplikasi yang sangat berguna yang mementingkan penyebaran maklumat dan dapat menjimatkan masa (Ahmad Safwan & Muhammad Norazam, 2019). Dapatkan kajian juga mendapati, majoriti guru iaitu seramai 124 orang guru (80.0%) berada pada tahap yang tinggi, manakala 23 orang guru (14.8%) mempunyai tahap yang sederhana dan terdapat lapan orang guru (5.1%) berada pada tahap rendah terhadap matlamat pengaplikasian *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah rendah. Secara keseluruhan, tahap penggunaan aplikasi *WhatsApp* dari aspek matlamat penggunaan aplikasi *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah adalah tinggi ( $\text{min}=4.10$ ,  $\text{sp}=0.198$ ). Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor matlamat pengaplikasian *WhatsApp* ditunjukkan dalam jadual 6.

Jadual 6 Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor matlamat pengaplikasian WhatsApp

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	8	5.1%	Rendah
2.34 - 3.66	23	14.8%	Sederhana
> 3.66	124	80.0%	Tinggi

#### **Faktor Motiviasi Guru**

Aplikasi *WhatsApp* bukan sahaja mengubah cara penyaluran dan perkongsian maklumat, malah turut mengubah perhubungan yang sedia terjalin antara pengguna (Aisar Salihu et al., 2015). Dapatkan kajian juga mendapati, majoriti guru iaitu seramai 138 orang guru (89.0%) berada pada tahap yang tinggi, manakala 14 orang guru (9.0%) mempunyai tahap yang sederhana dan terdapat tiga orang guru (1.9%) berada pada tahap rendah terhadap motivasi guru menggunakan aplikasi *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah rendah. Secara keseluruhan, tahap motivasi guru adalah tinggi ( $\text{min}=4.05$ ,  $\text{sp}=0.313$ ). Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor motivasi guru ditunjukkan dalam jadual 7.

Jadual 7 Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor motivasi guru

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	3	1.9%	Rendah
2.34 - 3.66	14	9.0%	Sederhana
> 3.66	138	89.0%	Tinggi

### **Faktor Kemahiran Mengaplikasi WhatsApp**

Pengaplikasi WhatsApp lebih berminat dan memilih WhatsApp kerana ia adalah sangat mudah untuk diaplikasi (Naveen dan Sudhansh, 2016). Dapatkan kajian juga, mendapati analisis bagi tahap faktor kemahiran mengaplikasi WhatsApp iaitu seramai 144 orang guru (92.9%) berada pada tahap yang tinggi, manakala sembilan orang guru (5.8%) mempunyai tahap yang sederhana dan terdapat dua orang guru (1.3%) berada pada tahap rendah. Secara keseluruhan, tahap penggunaan aplikasi WhatsApp dari aspek kemahiran menggunakan aplikasi WhatsApp dalam urusan rasmi sekolah adalah tinggi ( $\text{min}= 4.25$ ,  $\text{sp}= 0.117$ ). Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor kemahiran mengaplikasi WhatsApp ditunjukkan dalam jadual 8.

Jadual 8 Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor kemahiran mengaplikasi WhatsApp

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	2	1.3%	Rendah
2.34 - 3.66	9	5.8%	Sederhana
> 3.66	144	92.9%	Tinggi

### **Faktor Sokongan Pentadbir Sekolah**

Sokongan pentadbir sekolah menjadi salah satu punca pengaplikasian media sosial di sekolah (Abdul Wahad, Kamaliah & Hasrina, 2006). Dapatkan kajian mendapati majoriti guru iaitu seramai 131 orang guru (84.5%) berada pada tahap yang tinggi, manakala 20 orang guru (12.9%) mempunyai tahap yang sederhana dan terdapat empat orang guru (2.6%) berada pada tahap rendah dalam sokongan pentadbir sekolah terhadap pengaplikasian WhatsApp dalam urusan rasmi sekolah rendah. Secara keseluruhan, tahap penggunaan aplikasi WhatsApp dari aspek sokongan pentadbir sekolah terhadap penggunaan aplikasi WhatsApp dalam urusan rasmi sekolah adalah tinggi ( $\text{min}= 3.98$ ,  $\text{sp}= 0.369$ ). Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor sokongan pentadbir sekolah ditunjukkan dalam jadual 9.

Jadual 9 Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor sokongan pentadbir sekolah

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	4	2.6%	Rendah
2.34 - 3.66	20	12.9%	Sederhana
> 3.66	131	84.5%	Tinggi

### **Faktor Kebimbangan Guru**

Kebimbangan guru seperti kurang mahir mengaplikasi sesuatu media sosial menyebabkan mereka kurang mengaplikasikannya dalam urusan sekolah (Nafishah. H., 2008). Dapatkan kajian menunjukkan, majoriti guru iaitu seramai 103 orang guru (66.5%) berada pada tahap yang tinggi, manakala 27 orang guru (17.4%) mempunyai tahap yang rendah dan terdapat 25 orang guru (16.1%) berada pada tahap sederhana terhadap faktor kebimbangan guru dalam pengaplikasian WhatsApp dalam urusan rasmi sekolah rendah. Secara keseluruhan, tahap penggunaan aplikasi WhatsApp dari aspek kebimbangan guru terhadap penggunaan aplikasi WhatsApp dalam urusan rasmi sekolah adalah

pada tahap sederhana ( $\text{min}= 3.61$ ,  $\text{sp}= 0.198$ ). Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor kebimbangan guru ditunjukkan dalam jadual 10.

Jadual 10 *Frekuensi dan peratusan keseluruhan tahap faktor kebimbangan guru*

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	27	17.4%	Rendah
2.34 - 3.66	25	16.1%	Sederhana
> 3.66	103	66.5%	Tinggi

### ***Hubungan Faktor-Faktor Pemboleh Ubah Terpilih Terhadap Tahap Pengaplikasian WhatsApp***

Pekali Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis hubungan faktor-faktor pemboleh ubah terpilih terhadap tahap pengaplikasian *WhatsApp* dari aspek persepsi umum guru, matlamat pengaplikasian *WhatsApp*, motivasi guru, kemahiran mengaplikasi *WhatsApp*, sokongan pentadbir sekolah dan kebimbangan guru dalam pengaplikasian *WhatsApp*. Jadual 11 menunjukkan skala pekali korelasi yang digunakan.

Jadual 11 *Skala Pekali Korelasi*

Nilai Pekali Korelasi	Kekuatan Korelasi
.10 hingga .29 atau -.10 hingga -.29	Hubungan positif atau negatif lemah
.30 hingga .49 atau -.30 hingga .49	Hubungan positif atau negatif sederhana kuat
.50 hingga 1.0 atau -.50 hingga -1.0	Hubungan positif atau negatif kuat

Diadaptasi dari Cohen, 1988

Analisis inferensi menunjukkan, korelasi signifikan adalah pada aras 0.01 (2 hala) bermaksud terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor pemboleh ubah terpilih dengan pengaplikasian *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah rendah di Zon Chini, Pekan. Jadual 12 menunjukkan hubungan faktor-faktor pemboleh ubah terpilih terhadap tahap pengaplikasian *WhatsApp*.

Jadual 12 *Hubungan faktor-faktor pemboleh ubah terpilih terhadap tahap pengaplikasian WhatsApp*

Pemboleh ubah	Pengaplikasian WhatsApp	
	r	p
Persepsi umum guru	0.305	0.000
Matlamat pengaplikasian <i>WhatsApp</i>	0.377	0.000
Motivasi guru	0.413	0.000
Kemahiran mengaplikasi <i>WhatsApp</i>	0.458	0.000
Sokongan pentadbir sekolah	0.273	0.001
Kebimbangan guru dalam pengaplikasian <i>WhatsApp</i>	0.231	0.004
<b>Hubungan faktor dengan pengaplikasian WhatsApp (Keseluruhan)</b>	<b>0.343</b>	<b>0.000</b>

r = Korelasi Pearson p = signifikan

\* Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hala)

## **KESIMPULAN**

Perkembangan dalam aplikasi media sosial merupakan satu fenomena yang tidak dapat disangkal lagi kepentingannya. Aplikasi media sosial khususnya aplikasi *WhatsApp* semakin popular dan digunakan dalam kebanyakan aspek kehidupan manusia sama ada dalam urusan rasmi atau urusan tidak rasmi. Aplikasi *WhatsApp* juga turut memainkan peranan yang sangat penting dalam pengurusan rasmi sekolah dan perkara ini menjadi sangat popular pada masa kini. Oleh yang demikian, pihak sekolah sama ada pihak pentadbiran sekolah atau guru, perlulah bersedia untuk bergerak seiring dengan pembangunan aplikasi media sosial ini.

Kajian ini telah mengenal pasti faktor-faktor yang memberikan kesan signifikan terhadap pengaplikasian *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah rendah. Kajian ini juga telah mengenal pasti faktor-faktor lain yang belum dijelaskan oleh Davis (1989) dalam Model Penerimaan Teknologi (TAM). Faktor lain yang ditambahkan ke dalam model adalah faktor rangkaian antara peribadi dan sosial. Faktor-faktor inilah yang menggalakan guru menggunakan *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah.

Kajian ini telah berjaya menemui beberapa konsep, pendekatan, pemahaman dan idea baharu dalam memupuk kemahiran ICT melalui media sosial yang menjadi trend dalam abad ke-21. Namun begitu, beberapa cadangan kajian lanjutan boleh dijalankan. Mungkin pada masa hadapan, kajian berkaitan keberkesanan mengaplikasikan *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah boleh dijalankan, perbandingan PdPC melalui aplikasi *WhatsApp*, tahap pengaplikasian serta faktor-faktor pengaplikasian *WhatsApp* boleh dijalankan. Kajian berkaitan urusan rasmi juga boleh dilakukan dengan mendalam. Sebagai contoh Ketua Panitia mungkin boleh mengkaji bagaimana aplikasi *WhatsApp* boleh meningkatkan urusan guru-guru panitia bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, pengkaji masa akan datang boleh menjalankan kajian tentang kebaikan dan keburukan pengaplikasian *WhatsApp* dalam kalangan guru dalam pengurusan sekolah.

Sebagai kesimpulannya, kepada kajian ini dapatlah dikatakan bahawa responden sememangnya mempunyai kemahiran asas yang agak kukuh berkaitan aplikasi *WhatsApp*. Pada masa yang sama mereka sememangnya mengaplikasi *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah rendah. Walau bagaimapun, terdapat sebilangan kecil guru dalam kalangan guru kurang aktif dalam pengaplikasian *WhatsApp*. Terdapat sebilangan besar menggunakan dan memanfaatkan aplikasi *WhatsApp* dalam urusan rasmi sekolah rendah.

## RUJUKAN

- Abdul Wahad, Kamaliah & Hasrina. (2006). *Penggunaan Komputer dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes Di Pulau Pinang*. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.
- Ahmad Safwan. (2019). Kajian Keberkesanan Aplikasi *WhatsApp* Sebagai Medium Dakwah dalam Kalangan Remaja. *Jurnal 'Ulwan*, Jilid 4 2019 : 67-85.
- Aisar Salihu Musa, Mohd Nazri Latiff Azmi, & Nur Salina Ismail. (2015). Exploring the uses and gratifications theory in the use of social media among the students of mass communication in Nigeria. *Malaysian Journal of Distance Education*, 17(2), 83-95.
- Ajzen, I. (1988). *Attitudes, Personality and Behaviour*. Illinois: Dorsey Press.
- Andi Miladiyah. (2017). *Pemanfaatan WhatsApp Messenger Info Dalam Pemberian Informasi Dan Peningkatan Kinerja Pada Sub Bahagian Program Pemerintah Provinsi Selawesi Selatan*. Tesis. Universiti Hasanuddin Makassar.
- Aslina Saad, & Ermie Dharlya Daud. (2016). Kepelbagaian model penerimaan teknologi dan sistem maklumat. *International Conference on ICT in Education*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 25-26.
- Azhar Arsyad. (2013). *Media Pembelajaran*. Jakarta : PT. Raja Grafindo Persada.
- Azmah & Samsudin A. Rahim. (2013). Kredibiliti Media dan Penyertaan dalam Persekitaran Pendemokrasian Maklumat di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 29(1) 2013: 141-160. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cetinkaya, L. (2017). An educational technology tool that developed in the natural flow of life among students: *WhatsApp*. *International Journal of Progressive Education*, 13(2), 29-47.

- Davis, F.D. (1989). *Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use and User Acceptance of Information Technology*. MIS September 1989.
- Faridanura. (2014). *Penggunaan Laman Rangkaian Sosial (Facebook) dalam Kalangan Guru: Motif dan Kesannya*. Tesis Universiti Teknologi Malaysia.
- Jogiyanto, H.M. (2007). *Sistem Informasi Keperilakuan*. Edisi Revisi. Yogyakarta: Andi Offset.
- Lin, S. (2012). *Instant messaging on interpersonal relationship: IM on interpersonal relationships*. Retrieved on January 21, 2018, from [http://pg.com.cuhk.edu.hk/pgp\\_nm/projects/2012/LIN%20Si.pdf](http://pg.com.cuhk.edu.hk/pgp_nm/projects/2012/LIN%20Si.pdf)
- Mohamed Nazul, Ismail Et Al. 2014. "WhatsApp: Komuniti Maya Dalam Teknologi Komunikasi Mudah Alih." *Sains Humanika* 3(1): 23-30.
- Mohd Azul. (2019). Mudah Guna dan Manfaat Aplikasi WhatsApp Terhadap Hubungan antara Peribadi Masyarakat dan Polis. *Jurnal Komunikasi*, 35(4) 2019: 135-154.
- Mohd Noorhadi & Zurinah Tahir. (2017). Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *Journal of sosial science and humanities*, 3(23), 1823-884x.
- Mohd Zuwairi & Nurul Fatin. (2019). Kegunaan dan Kepuasan Aplikasi WhatsApp dalam Kalangan Warga Separuh Umur di Machang Kelantan. *International journal of modern trends in social sciences*, 2(6), 40-47.
- Muhammad Ismail. (2016). Analisis Penyumbang Terhadap Amalan Pengintegrasian ICT Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. Tesis Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Shahrul. (2011). *Penggunaan Wikipedia dan Media Sosial Sebagai Mediapengajaran: Persepsi Guru Di Fakulti Pendidikan*, Tesis Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mutiah. (2016). *Transformasi Komunikasi Interpersonal di Era Digital*. Tesis Universitas Negeri Surabaya.
- Nafishah. H. (2008). *Keberkesanan Kajian Pembelajaran Berbantu Komputer (Penggunaan Internet-Virtual Field Tripd) Terhadap Penguasaan Konsep Sains*.
- Naveen Kumar, & Sudhansh Sharma. (2016). Survey analysis on the usage and impact of WhatsApp Messenger. *Global Journal of Enterprise Information System*, 8(3), 52-57.
- Norfaezah. (2015). Penggunaan Aplikasi WhatsApp Dalam Pembelajaran & Pengajaran (P&P) Di KUIS. *e-Proceeding of the Global Conference on Technology in Language Learning*. (e-ISBN 978-967-0792-03-3)
- Normazaini, Alawiyah & Wawarah. (2018). Penggunaan WhatsApp Sebagai Alat Komunikasi Formal dalam Organisasi: Satu Tinjauan Awal. *International Conference on Management and Muamalah*. e-ISBN: 978-967-2122-52-4.
- Oviva Tidal dan Ira Dwi. (2019). Fungsi Komunikasi dalam Organisasi dalam Group Chat WhatsApp Oriflame. *Jurnal Common*, 3(1).
- Razianna Rahman. (2009). *Penyeliaan Pengajaran dan Pengajaran dalam Kepimpinan Instruksional Satu Panduan Praktikal*. Kuala Lumpur: PTP Professional. Sdn. Bhd.
- Riskyta. (2017). Penggunaan aplikasi WhatsApp dalam komunikasi organisasi. *Jurnal Ilmiah Manajemen Publik dan Kebijakan Sosial*, 1(2).
- Singh, Navjit. 2014. "A Study To Analyze Relationship Between Psychological Behavioral Factors On WhatsApp Addiction Among Youth In Jalandhar District In Punjab." *European Journal Of Business And Management* 6(37): 269-73.
- Sri Nurhayati & Fonny Dameati. (2020). Pengaruh Stres Akademik, Daya Tindak Dan Adaptasi Sosial Budaya Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar Universiti. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 7(2).
- Syed Lamsah. (2017). *Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi WhatsApp dan Telegram di Universiti Swasta*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42 (2): 41-35.
- Trisnani. (2017). Pemanfaatan WhatsApp Sebagai Media Komunikasi Dan Kepuasan Dalam Penyampaian Pesan Dikalangan Tokoh Masyarakat. *Jurnal Komunikasi, Media Dan Informatika*, 6(3).